

# Belanjawan 2024: Melaka sambut baik peruntukan fokus perubahan iklim

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**PANTAI KUNDOR** – Pembentangan Belanjawan 2024 oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat pada Jumaat, disifatkan bukan sahaja menyeluruh untuk rakyat, bahkan memberi impak besar kepada negara pada masa akan datang.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata, ini kerana peruntukan itu turut memberi tumpuan kepada aspek perubahan iklim serta tenaga hijau di negara ini.

Jelasnya, dengan peruntukan berbilion ringgit bagi menjayakan inisiatif tersebut, ia akan memberi manfaat besar dalam menyediakan kehidupan lebih baik kepada generasi akan datang.

“Contoh, pelanjutan tempoh tawaran program Net Energy Metering (NEM) sehingga 31 Disember 2024 bagi

menggalakkan lebih ramai memasang panel di premis kediaman.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya melalui Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (PTHM) akan memastikan inisiatif ini diperluaskan. Kita akan menggalakkan penglibatan individu atau pemilik premis untuk pemasangan panel solar di bumbung rumah.

“Ini merupakan antara inisiatif yang cukup baik dalam membudayakan teknologi hijau dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program Petronas Menyemai Masa Hadapan, Pembersihan Pantai dan Kitar Semula di Pantai Puteri, di sini, pada Sabtu.

Hadir sama, Pengurus Besar Petronas Wilayah Selatan, Mohd Zaki Mahat; Setiausaha Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Ahmad Azlan Ahmad Salleh dan Ketua Ahli Majlis MBMB Abd Razak Abu.

Selain NEM, pembentan-

gan Belanjawan 2024 turut memberi tumpuan kepada Peluncuran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) menggariskan enam pemacu utama peralihan tenaga.

Antaranya, ia melibatkan tenaga boleh baharu, hidrogen, mobiliti hijau serta pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS).

Dalam pembentangnya, Anwar turut mengumumkan peruntukan RM563 juta bagi pembaikan cerun seluruh negara termasuk untuk program pemantauan, pencegahan dan pelaporan serta amaran awal melibatkan lebih 2,000 cerun yang berisiko tinggi.

Ia bagi mengekang tragedi tanah runtuh seperti yang berlaku di Batang Kali, Selangor lewat tahun lalu.

Pada masa sama, sejumlah RM20 juta disediakan kepada 150 pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan parit dan longkang yang rosak bagi mengurangkan risiko air bertakung dan banjir kilat.



**RAIS menerima cenderahati daripada Mohd Zaki pada program Petronas Menyemai Masa Hadapan, Pembersihan Pantai dan Kitar Semula di Pantai Puteri.**